

'Melon to Million' perkasa pengusaha tani di Melaka



Ab Rauf selepas merasmikan Pavilion Melaka sempena MAHA 2024 di MAEPS, Serdang, semalam.

(Foto Eizairi Shamsudin/BH)

Serdang: Kerajaan Melaka akan melaksanakan Program Latihan Khas 'Melon to Million' bagi memperkasa pengusaha pertanian di negeri itu.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh, berkata inisiatif berkenaan dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

"Inisiatif berkenaan adalah bagi menyokong Projek Mengoptimumkan Penggunaan Tanah di bawah Program Keterjaminan Makanan 2024.

"Syarikat KMK Agro Global Sdn Bhd dan Universiti Putra Malaysia (UPM) diberi kepercayaan untuk mengendalikan program terbabit dengan menyasarkan kepada golongan keluarga berpendapatan rendah B40.

"Program berkenaan turut menyasarkan pelajar lepasan se-

kolah atau pemegang sijil kemahiran yang berusia 18 tahun ke atas serta mereka yang sedang mencari pekerjaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Perasmian Pavilion Melaka sempena Pameran Pertanian Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), di sini semalam.

Ab Rauf berkata, program berkenaan bertujuan meningkatkan kemahiran pengusaha baharu dalam pengurusan operasi ladang khususnya bidang penanaman tembikai wangi.

"Saya yakin, usaha ini akan memberi nilai tambah kepada pengusaha baharu melalui anugerah sijil profesional daripada badan yang diiktiraf seperti Institut Kajian Perladangan UPM," katanya.

Sementara itu, mengenai

sambutan 100 tahun penganjuran MAHA 2024, kerajaan Melaka menyasarkan hasil jualan di Rumah Melaka sebanyak RM80,000 sepanjang tempoh penganjuran MAHA 2024.

"Mengikut statistik jualan hari pertama, sebanyak RM6,321.50 hasil jualan produk usahawan negeri Melaka dicatatkan di Pavilion Melaka.

"Saya berharap semua usahawan negeri Melaka yang mengambil bahagian pada MAHA 2024 agar dapat merebut peluang memperkenalkan serta mempromosikan produk keluaran masing-masing," katanya.

Katanya, MAHA 2024 adalah ruang terbaik untuk usahawan tempatan mengetengahkan produk diusahakan, seterusnya sebagai jambatan untuk melebarkan pasaran hingga ke peringkat antarabangsa.